

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN  
[ JULAU ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kesan positif yang dinikmati ekonomi negara dari segi penempatan semula perniagaan serta lencongan dagangan dan pelaburan akibat perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) bagi pertengahan tahun pertama 2019 menyederhana sedikit kepada 4.7% berbanding 4.9% pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, iaitu sebanyak 4.7%.

2. Antara sebab penyederhanaan ini adalah faktor luaran yang semakin mencabar memandangkan Malaysia sebuah ekonomi yang terbuka dan berdagang dengan pelbagai negara. Konflik perdagangan antara dua rakan dagang penting Malaysia iaitu Amerika Syarikat dan China telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global, termasuk Malaysia. Di samping itu, negara juga berdepan dengan kelembapan pasaran barangan elektrik dan elektronik, ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dan harga komoditi serta ketegangan geopolitik.

3. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dengan jumlah dagangan sebanyak 130% kepada KDNK pada 2018, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah proaktif bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi sentiasa meningkat. Tindakan Amerika Syarikat mengenakan tarif terhadap China telah mendorong pelabur-pelabur China mengalihkan perniagaan mereka ke Asia Tenggara. Peralihan pelaburan ini akan memberikan impak positif dengan mewujudkan peluang untuk Malaysia menjadi destinasi pilihan alternatif bagi pelaburan langsung asing (FDI).

4. Di samping itu, ketegangan perdagangan ini membuka ruang kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport minyak sawit ke China sebagai barangan pengganti kepada minyak soya dan jagung. Pada Mac 2019, syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir AS\$900 juta bagi membekalkan 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Dalam tempoh Januari hingga Ogos 2019, eksport

minyak sawit Malaysia ke China telah meningkat kepada 1.4 juta tan dengan nilai eksport sebanyak RM3.1 bilion. Impak keseluruhan peralihan perdagangan dijangka meningkatkan KDNK negara sebanyak 0.1 mata peratusan.

5. Selain itu, konflik perdagangan yang berlarutan mewujudkan peluang untuk Malaysia menjadi destinasi pilihan utama bagi pelaburan langsung asing (FDI). Berdasarkan data yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), jumlah FDI yang diluluskan meningkat sebanyak 97% kepada RM49.5 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 2019, berbanding RM25.1 bilion yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun 2018. FDI dalam sektor pembuatan daripada Amerika Syarikat mencatatkan nilai tertinggi sebanyak RM11.7 bilion, diikuti oleh China sebanyak RM4.8 bilion. Peningkatan pelaburan ini membuktikan keyakinan pelabur telah meningkat.

6. Di samping itu, seperti yang disarankan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama, Malaysia juga komited untuk meningkatkan inisiatif perdagangan dalam kalangan negara ASEAN yang mempunyai 600 juta penduduk. Dalam hal ini, usaha akan ditingkatkan ke arah menjadikan Malaysia sebagai Hub ASEAN. Sebanyak 12 aktiviti berpotensi telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai Hub ASEAN di Malaysia, antaranya termasuk logistik, kewangan berteknologi dan kewangan Islam berteknologi, industri halal, perdagangan maritim, industri kandungan animasi dan digital serta pelancongan.

7. Kerajaan yakin usaha-usaha ini berupaya memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi yang positif ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju, inklusif dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.